



Faculty of Cognitive Sciences and Human Development

**PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP KECEMERLANGAN
AKADEMIK PELAJAR SAINS KOGNITIF**

Nur Putri Najihah binti Rahisam

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAAN (SAINS KOGNITIF)

2021

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A-

Please tick one

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 27 day of June year 2021.

Student's Declaration:

I, NUR PUTRI NAJIHAH BINTI RAHISAM, 67196, FACULTY OF COGNITIVE SCIENCES AND HUMAN DEVELOPMENT, hereby declare that the work entitled, PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR SAINS KOGNITIF is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

27 June 2021

Putri Najihah

NUR PUTRI NAJIHAH BINTI RAHISAM (67196)

Supervisor's Declaration:

I, DR. NURUL HANIM BINTI NASARUDDIN , hereby certify that the work entitled, PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR SAINS KOGNITIF was prepared by the aforementioned or above mentioned student, and was submitted to the "FACULTY" as a *partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF SCIENCE WITH HONOURS (COGNITIVE SCIENCE) , and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

27 June 2021

Received for examination by: hanim

Date: _____

(DR. NURUL HANIM BINTI NASARUDDIN)

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services (CAIS) and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (√)):

- YES**
- NO**

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature: *Putri Najihah*
Date: 27 June 2021

Supervisor's signature: *hanim*
Date: 27 June 2021

Current Address:

University Malaysia Sarawak, UNIMAS
Jalan Datuk Mohammad Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

**PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP KECEMERLANGAN
AKADEMIK PELAJAR SAINS KOGNITIF**

NUR PUTRI NAJIHAH BINTI RAHISAM

This project is submitted
in partial fulfilment of the requirements for a
Bachelor of Science with Honours
(Cognitive Science)

Faculty of Cognitive Sciences and Human Development
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(2021)

The project entitled ‘Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Sains Kognitif ’ was prepared by Nur Putri Najihah binti Rahisam and submitted to the Faculty of Cognitive Sciences and Human Development in partial fulfillment of the requirements for a Bachelor of Science with Honours (Cognitive Science).

Received for examination by:

hanim

(DR. NURUL HANIM BINTI NASARUDDIN)

Date:
27th June 2021

Grade A-

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat Ijazah Sarjana Muda.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Nurul Hanim binti Nasaruddin, selaku penyelia saya yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, dan dorongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Saya sangat bersyukur kerana diberi penyelia yang memberikan nasihat dan tunjuk ajar yang tidak pernah putus untuk menyiapkan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan khas kepada kedua ibu bapa saya iaitu, Encik Rahisam bin Ismail dan Puan Tg Ku Nor Seriwani Yati binti Tuan Ibrahim untuk kasih sayang yang tidak terhingga dan sokongan dari segi mental, kewangan, dan fizikal. Tanpa mereka, kajian ini tidak akan siap dengan sempurna.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan di bawah seliaan Dr. Nurul Hanim binti Nasaruddin dan sahabat-sahabat saya kerana membantu dan memberi sokongan berterusan serta berkongsi ilmu untuk menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, kepada responden-responden. Terima kasih kerana sudi bekerjasama dan mengambil bahagian dalam menjayakan kajian ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	III
ISI KANDUNGAN.....	IV
SENARAI JADUAL.....	V
SENARAI RAJAH.....	VI
ABSTRAK.....	VII
ABSTRACT.....	VIII
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
BAB 2 KAJIAN LITERATUR.....	6
BAB 3 METODOLOGI.....	10
BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....	13
BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN.....	23
RUJUKAN.....	30
LAMPIRAN A BORANG KEBENARAN.....	33
LAMPIRAN B BORANG SOAL SELIDIK.....	34
LAMPIRAN C BORANG SOAL SELIDIK.....	36
LAMPIRAN D BORANG SOAL SELIDIK.....	37

SENARAI JADUAL

Jadual 2: Demografi Sampel (Jantina).....	13
Jadual 3: Demografi sampel (Umur).....	14
Jadual 4 : Demografi sampel (Bangsa).....	15
Jadual 5: “ Mean ” dan “ Standard Deviation ” prestasi akademik (CGPA) berdasarkan jantina.....	16
Jadual 6 : CGPA berdasarkan Jantina.....	17
Jadual 7: “ <i>Spearman’s Correlation</i> ” untuk CGPA dan Faktor Rakan Sebaya.....	18
Jadual 8: “ <i>Spearman’s Correlation</i> ” untuk CGPA dan Faktor Budaya Fakulti.....	19
Jadual 9: Ringkasan model keputusan untuk Faktor Rakan Sebaya, Faktor Budaya Fakulti dan CGPA.....	20
Jadual 10: Keputusan “ <i>Anova</i> ” untuk Faktor Rakan Sebaya, Faktor Budaya Fakulti dan CGPA.....	20
Jadual 11: Keputusan “ <i>Coefficients</i> ” untuk Faktor Rakan Sebaya, Faktor Budaya Fakulti dan CGPA.....	21
Jadual 12: Ringkasan penemuan adalah seperti berikut.....	22

SENARAI RAJAH

Rajah 1.0. Kerangka Konseptual.....	4
Rajah 2.0 Sampel dan Formula.....	11

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif. Sampel kajian melibatkan seramai 90 orang pelajar dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) di dalam Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Respoden terdiri daripada pelajar tahun tiga dari program sains kognitif. Data dianalisis berdasarkan peratusan dan kekerapan responden yang menjawab soalan berdasarkan jawapan “ Sangat tidak setuju, Tidak setuju, Setuju, Sangat setuju ”. Dalam kajian ini, atribut demografi dipecahkan kepada faktor rakan sebaya dan faktor budaya fakulti manakala bagi statistik inferens pula menggunakan kaedah “ One-sample T Test, Spearman’s Correlation and Multiple Linear Regression ”. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya, faktor budaya fakulti dan prestasi akademik pelajar sains kognitif. Akhir kata, cadangan untuk pengkaji dikemukakan untuk penambahbaikan kajian pada masa akan datang.

Kata Kunci : Jantina, Faktor rakan sebaya, Faktor budaya fakulti, Pelajar Sains Kognitif

ABSTRACT

This study aims to examine the influence of environmental factors on the academic brilliance of cognitive science students. The study sample involved 90 students from the Faculty of Cognitive Science and Human Development (FSKPM) inside the University of Malaysia Sarawak (UNIMAS). Respondent consists of year three students from cognitive science programs. The data was analyzed based on the percentage and frequency of respondents who answered questions based on the answer " Strongly disagree, Disagree, Agree, Strongly agree ". In this study, demographic attributes were broken down to peer factors and faculty cultural factors while for inference statistics also used the methods of "One-sample T-Test, Spearman's Correlation and Multiple Linear Regression". The results showed that there was no significant association between peer factors, faculty culture factors, and academic performance of cognitive science students. Finally, recommendations for reviews are submitted for future study improvements.

Keywords: Gender, Peer factors, Faculty cultural factors, Cognitive Science Students

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Persekitaran pembelajaran menggambarkan elemen yang perlu diberi penekanan dengan lebih mendalam supaya prestasi pembelajaran dapat ditingkatkan. Persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat menggalakkan aktiviti intelektual, persahabatan dan kerjasama antara pelajar.

Konsep persekitaran terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu fizikal, sosial dan emosi. Sebagai contoh, persekitaran fizikal di dalam bilik kuliah seperti susunan, reka bentuk, ruang pembelajaran dan pengudaraan. Apabila bilik kuliah berada dalam keadaan yang kondusif perkara ini secara tidak langsung dapat memberi keselesaan dan ketenangan kepada pelajar untuk belajar dengan lebih sempurna.

Justeru itu, persekitaran pembelajaran seharusnya dititikberatkan sebagai pemangkin utama bagi sesi pembelajaran dan pengajaran. Hal ini supaya pelajar dapat belajar dengan selesa, melibatkan diri dengan aktif dalam bidang kurikulum dan menimba pengalamannya yang berguna sepanjang bergelar pelajar universiti.

1.1 Pernyataan Masalah

Secara keseluruhannya, prestasi kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif masih berada di tahap yang sederhana berbanding dengan pelajar program lain seperti pembangunan sumber manusia, kaunseling dan psikologi.

Pencapaian bagi pelajar sains kognitif dinilai melalui ujian peperiksaan, kuiz, pembentangan, tugas projek dan latihan industri. Pencapaian diukur melalui penilaian yang diadakan untuk menentukan tahap kecemerlangan. Perspektif kejatuhan pencapaian akademik para pelajar sains kognitif ialah para pelajar sukar menguasai teknik pembelajaran yang betul, tidak memberikan tumpuan ketika sesi pembelajaran berlaku dan tidak membuat latihan.

Kesannya, pelajar kurang mendapatkan keputusan cemerlang apabila ujian peperiksaan dilaksanakan. Senario ini boleh dilihat apabila setiap kali majlis anugerah dianugerahkan, bilangan pelajar sains kognitif yang menerima anugerah dekan amatlah rendah berbanding dengan pelajar program lain. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah dijalankan untuk mengetahui pengaruh faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif, di samping itu untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar sains kognitif.

1.2 Objektif Kajian

1.2.1 Objektif Utama

Tamsilnya, kajian ini memperlihatkan faktor persekitaran yang dapat mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif. Antara objektif kajian adalah .


1.2.3 Objektif Spesifik

- I. Mengenalpasti perbezaan antara prestasi akademik pelajar sains kognitif berdasarkan jantina.
- II. Mengenalpasti hubungan antara prestasi akademik pelajar sains kognitif dengan faktor rakan sebaya.
- III. Mengenalpasti hubungan antara prestasi akademik pelajar sains kognitif dengan faktor budaya fakulti
- IV. Mengkaji hubung kait yang signifikan antara prestasi akademik, faktor rakan sebaya dan faktor budaya fakulti dalam kalangan pelajar sains kognitif.

1.3 Kerangka konseptual

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bergantung



Rajah 1.0. Kerangka Konseptual

Berdasarkan rajah di atas, terdapat satu pembolehubah bebas untuk kajian ini iaitu faktor demografi. Pembolehubah bebas dibahagikan mengikut faktor demografi daripada pelajar dari segi jantina, umur, bangsa/etnik dan CGPA. Dalam kajian ini, faktor rakan sebaya dan faktor budaya fakulti merupakan perantara bagi pembolehubah bergantung yang mana akan diukur menggunakan kaedah borang soal selidik dengan mengenalpasti jenis faktor persekitaran yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif.

1.4 Batasan Kajian

I. Batasan Lapangan

Pengkaji membataskan lokasi kajian hanya di sekitar Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) dan di dalam Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sahaja.

II. Batasan Topik

Kajian ini hanya memfokuskan faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif di dalam UNIMAS .

III. Batasan Metodologi

Kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap pelajar sains kognitif dan penggunaan saiz sample adalah daripada pelajar tahun 3 sahaja. Masa dan tarikh juga agak terhad kerana pengkaji terlibat dengan komitmen lain dalam mata pelajaran lain dan hanya dapat menjalankan kajian pada waktu saing hari menyebabkan masa untuk melakukan penyelidikan dikurangkan.

1.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pelbagai faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar. Faktor utama yang dikaji ialah kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah, pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian akademik dan peranan fakulti dalam mencorak kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pensyarah

Pensyarah merupakan faktor penting dalam sesebuah insituti pendidikan. Pensyarah memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan aspek persekitaran yang kondusif.

Kebijaksanaan pensyarah dalam merancang kaedah pembelajaran akan memberikan impak yang lebih baik terhadap pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran. Proses pembelajaran dan pengajaran akan menjadi mudah kepada pelajar kerana mereka dapat menguasai kemahiran mencatat nota, mendengar dan menulis. Secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi kecemerlangan akademik pelajar .

Justeru itu, setiap keberkesanan pengajaran memberikan fahaman yang berlainan kepada pelajar. Hal ini demikian kerana setiap pelajar mempunyai corak pembelajaran yang tersendiri dan bergantung kepada keupayaan masing-masing dalam memahami segala maklumat yang disampaikan oleh pensyarah. Oleh hal demikian, pensyarah digalakkan untuk sentiasa menukar kaedah pengajaran supaya seiring dengan peredaran masa bagi membolehkan pelajar mengadptasikan dengan sistem pembelajaran di universiti.

Selain itu , pensyarah memainkan peranan yang sangat penting dalam memotivasikan pelajar. Menurut Hasmah (2014) , pensyarah bertanggungjawab dalam menyampaikan nasihat serta motivasi terhadap pelajar dalam membentuk nilai-nilai yang baik khususnya dalam kemahiran insaniah. Penjelasan berkaitan dengan alam pekerjaan, keperluan majikan selepas tamat pengajian menjadi faktor penting yang perlu disediakan oleh pensyarah terhadap pelajar supaya mereka lebih bersedia dan maklum tentang ciri-ciri yang diperlukan oleh majikan nanti.

2.1 Rakan sekelas

Konsep ulang kaji bersama rakan merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam konsep pembelajaran sendiri. Pembelajaran sendiri didefinisikan sebagai satu proses pembelajaran yang berasaskan pelajar. Pembelajaran sendiri ditakrifkan proses pembelajaran yang beralaskan pelajar. Pelajar menghidupkan dan menetapkan aspek kognitif, tindak tanduk dan afektif secara sistematik bertujuan untuk mendapatkan matlamat pembelajaran mereka (Brophy, 1998; Pintrich & Schunk, 1996). Kaedah pembelajaran sendiri banyak mendatangkan dorongan dan azimat kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik ke tahap yang lebih tinggi (al-Alwan, 2008; VanZile-Tamsen & Livingston, 1999).

Belajar secara berkumpulan haruslah diamalkan di dalam alam universiti kerana pelajar tidak hanya terikat dengan kursus teras sahaja malah kursus universiti dan kursus elektif jugaterkandung dalam sistem pembelajaran di peringkat universiti. Teori Vygotsky telah menyatakan bahawa konsep pembelajaran bersama rakan dapat mengembangkan pengawalan kognitif ke arah satu proses sosial dan proses ini dilakukan secara berperingkat mengikut usaha pembelajaran sendiri daripada pelajar (Van Meter & Stevens, 2000).

Ulang kaji bersama rakan mendatangkan kesan positif terhadap pencapaian akademik dan membantu pelajar yang kurang cemerlang untuk skor dalam peperiksaan akhir tahun. Hal ini disebabkan oleh rakan sekelas berfungsi sebagai model pembelajaran atau pelajar contoh. Oleh itu, pelajar yang melihat kejayaan pelajar lain dalam bidang akademik secara tidak langsung mereka juga akan terikut untuk melakukan perkara yang sama supaya dapat setanding dengan rakan sekelasnya (Pintrich & Schunk, 1996).

Menurut Hasmah (2014) dalam kajiannya, pelajar yang mempunyai jalinan persahabatan yang erat dengan rakan sekelas akan mudah terpengaruh dengan apa yang ditonjolkan oleh rakannya. Hal ini demikian kerana mereka banyak meluangkan masa bersama apabila habis kelas dengan berbincang mengenai tugas ataupun bersembang kosong. Tuntasnya, rakan sekelas banyak mempengaruhi dan menjadi pemangkin semangat serta dorongan selain daripada ibu bapa dan pensyarah. Semangat dan dorongan diperoleh melalui mengulangkaji pelajaran bersama rakan sekelas, berkongsi buku rujukan dan terakhir menyediakan peta minda untuk setiap subjek .

2.2 Pengurusan fakulti

Aspek kualiti perkhidmatan fakulti merupakan antara agenda yang perlu dititikberatkan oleh pengurusan universiti bagi melahirkan pelajar yang bermutu dan berilmu pengetahuan dalam segenap aspek. Pihak fakulti perlulah mengalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti bagi membolehkan pelajar sentiasa berkecimpungan dan memperoleh ilmu manfaat dalam aktiviti yang dianjurkan samaada dalam bentuk akademik mahupun bukan akademik.

Selain itu, pihak universiti dan juga pihak fakulti haruslah berganding bahu menyediakan inisiatif pembelajaran yang bersesuaian, kemudahan infrastruktur yang sempurna dan barisan staf yang berkaliber. Hasil kajian daripada Hamidah, PM Dr. Zainab, Rosnah, Hafilah , & Norzarina (2013), kebanyakan pelajar menyatakan maklum balas yang kurang memuaskan mengenai kualiti yang disediakan oleh pihak fakulti. Perkara ini tercetus kerana pelbagai sebab semasa berinteraksi dengan pihak fakulti seperti perkhidmatan kaunter, kelulusan aktiviti yang dianjurkan dan urusan pertanyaan mengenai akademik.

Kemahiran insaniah yang diimplementasikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang mereka perolehi daripada anjuran pihak fakulti dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar. Menurut Mohd Anuar & Norshahril (2011), kemahiran initerbahagi kepada kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, bekerja secara kumpulan, kebolehan menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan terakhir sekali etika dan intergriti.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah meliputi rangka kerja untuk menjawab dan mengapai objektif kajian. Kajian kuantitatif dilaksanakan untuk mengkaji pengaruh faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar sains kognitif. Kajian ini mengemukakan soal selidik untuk mendapatkan informasi dan data yang dikehendaki. Maklumat tentang pemboleh ubah kajian ini dipungut pada waktu yang ditetapkan. Penggunaan soal selidik merupakan langkah yang produktif kerana dapat menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa yang singkat. Data yang diperolehi akan menunjukkan keterangan yang telah ditetapkan.

3.1 Tempat dan Masa Kajian

Skop kajian ini melibatkan pelajar sains kognitif di Universiti Malaysia Sarawak di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan dijalankan pada waktu siang sahaja.

3.2 Populasi Dan Persampelan

Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berstrata. Teknik persampelan ini digunakan disebabkan terdapat subkumpulan yang ketara dalam populasi yang dikenali sebagai strata. Ahli populasi dibahagikan kepada strata terlebih dahulu sebelum pemilihan rawak dilakukan. Populasi adalah dalam kalangan pelajar sains kognitif yang terdiri daripada tahun satu hingga tahun tiga.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan data. Soal selidik terbahagi kepada tiga iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, bangsa, umur dan CGPA. Bahagian

B berpandukan kepada soalan yang berkaitan dengan faktor rakan sebaya manakala Bahagian C pula berkaitan dengan faktor budaya fakulti.

3.5 Analisis Data

Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Analisis data ditunjukkan dalam jadual kekerapan dan peratusan atau skor min.

3.4 Teknik Sampel

Persampelan dilakukan dengan mengasingkan sekumpulan individu daripada populasi statistik mengikut ciri-ciri yang tertentu daripada keseluruhan populasi. Ianya juga sebagai salah satu langkah, proses atau teknik untuk memilih sampel yang sesuai. Dalam kajian ini, sampel rawak mudah akan digunakan dalam kajian ini kerana setiap unit populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai salah satu sampel. Apabila salah satu unit terpilih untuk sampel, populasi unit berkemungkinan akan dipilih secara sama rata.

$$\text{Sample size} = \frac{\frac{z^2 \times p(1-p)}{e^2}}{1 + \left(\frac{z^2 \times p(1-p)}{e^2 N} \right)}$$

Rajah 2.0 Sampel dan Formula

N = saiz penduduk

e = Margin kesilapan 5% (peratusan dalam bentuk peruluhan)
z = z-skor p = 0.05

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan dua jenis data iaitu, yang pertama merupakan data utama dan data kedua merupakan data sekunder. Data utama akan dikumpul dan diperolehi daripada responden. Manakala, data sekunder pula diperolehi dan dikumpul melalui kajian yang terdahulu, sumber laman sesawang, jurnal, dan artikel.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bahagian ini mengandungi data dan maklumat yang telah diperolehi daripada pengumpulan data dan analisis. Terdapat seramai 90 orang pelajar yang terlibat termasuk 45 lelaki dan 45 perempuan. Terdapat dua jenis statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens. Dalam kajian ini, atribut demografi dipecahkan kepada faktor rakan sebaya dan faktor budaya fakulti manakala bagi statistik inferens pula menggunakan kaedah “ One-sample T Test, Spearman’s Correlation and Multiple Linear Regression ”.

4.1 Statistik Deskriptif

Jantina

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Lelaki	45	50.0	50.0	50.0
Perempuan	45	50.0	50.0	100.0
Total	90	100.0	100.0	

Jadual 2: Demografi Sampel (Jantina)

Jadual 2 menunjukkan 90 responden telah dipilih untuk penyelidikan ini di mana 45 (50%) daripada mereka adalah lelaki dan 45 (50%) adalah perempuan.